

# PM, kerajaan tak campur urusan perbicaraan

**Putrajaya:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kerajaan sudah berulang kali menegaskan tidak akan campur tangan dalam perbicaraan kes Malaysia Development Berhad (1MDB), membabitkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil, berkata justeru, dakwaan kerajaan campur tangan dengan keputusan Mahkamah Tinggi pagi semalam yang membebaskan Najib dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy daripada tuduhan meminda Laporan 1MDB, adalah satu penghinaan kepada proses undang-undang.

“Bagi saya jika ada pihak yang buat tuduhan seperti itu, ia satu penghinaan kepada proses mahkamah.

“Kita hormat keputusan dan prosesnya. Jika nak dirujuk semula keputusan itu memang ada proses. Kita ikut dan turut serta hormat proses itu,” katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Kabinet, semalam.

Sementara itu, Fahmi berkata, penubuhan satu jawatankuasa khas berhubung skandal 1MDB boleh diteliti jika ia boleh menjadi satu mekanisme penting untuk mempercepatkan proses mengembalikan dana itu daripada pihak terbabit.

Beliau berkata, ketika ini, penubuhan itu tidak diperlukan memandangkan proses mendapatkan semula dana berkenaan sedang dilakukan agensi terbabit.

“Ketika ini, perkara itu (penubuhan) tidak dibincangkan pada mesyuarat Jemaah Menteri dan proses mendapatkan semula dana sedang berjalan, selain ada beberapa perkara dikenal pasti segera dalam usaha mengembalikan wang rakyat,” katanya.